

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic System Solutions Asia Pasifik kendalikan Forum julung Pemaju Hartanah

- *Forum tersebut bertujuan mengukuhkan hubungan dengan pemaju di Asia bagi mempertingkatkan nilai dan produktiviti*
- *Pameran rangkaian solusi holistik untuk pembangunan pendiaman dan komersial yang lebih bijak dan mesra alam*

Kuala Lumpur, Malaysia 29 September 2015 – Panasonic System Solutions Asia Pacific telah pada hari ini mengendalikan Forum Pemaju Hartanah di Kuala Lumpur, Malaysia dan dihadiri seramai 100 orang pemaju hartanah terkemuka di Asia.

Pemaju hartanah pada kebiasaannya menghadapi pelbagai cabaran. Selain daripada membendung peningkatan kos, mereka makin terdesak untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar, di samping perlunya sering berinovasi bagi memberikan para pengguna nilai yang menguntungkan dan yang sentiasa berkelebihan berbanding dengan pesaing.

Menjelang tahun 2030, Asia bakal menggunakan sebanyak 45 peratus tenaga dari seluruh dunia, kebanyakannya oleh bangunan jenis perindustrian. Kadar urbanisasi yang tidak terjangka sebelumnya telah menyumbang kepada penggunaan teknologi pembangunan pintar bagi mengurangkan kesan perubahan iklim¹.

Bersama Indonesia dan Filipina, Malaysia merupakan salah satu negara di Asia yang pesat membangun. Pemaju hartanah telahpun digalakkan oleh pihak berkuasa untuk meningkatkan pelaburan dalam bangunan mesra alam menerusi inisiatif seperti Indeks Bangunan Mesra Alam (IBMA).

Panasonic sedar akan cabaran yang dihadapi pemaju, oleh itu kedua-dua pihak sedang bekerjasama untuk menghasilkan kaedah pembangunan perumahan yang baru. Panasonic merupakan antara segelintir syarikat yang mampu menawarkan jaringan kaedah serta rangkaian produk yang holistik, dan merangkumi kelengkapan rumah, sekuriti, sistem pengurusan tenaga, dan infrastruktur seperti panel tenaga suria.

“Kami amat besar hati sebagai tuan rumah Forum Pemaju Hartanah yang pertama di Malaysia. Kami berharap lebih ramai pemaju hartanah serta rakan kongsi dapat memahami bagaimana solusi Panasonic mampu memenuhi kehendak pemaju secara menyeluruh menerusi majlis ini. Kami turut ingin bekerjasama dengan pemaju untuk membentuk komuniti lebih bijak, lebih mesra alam yang disokong teknologi inovatif,” kata Wilfred Wee, Naib-presiden Eksekutif Panasonic System Solutions Asia Pacific.

Tambahnya, “Zaman digital telah membawa perubahan yang tidak terbayang kepada cara hidup kami, dan dijangka akan turut mengubah kaedah pembinaan kami. Meskipun bangunan dianggap aset statik dan tegar dengan keupayaan adaptasi yang terhad, namun menerusi teknologi pembangunan pintar, pemilik serta pengusaha bangunan akan melihat kecekapan operasi, penjimatan air dan tenaga, serta penurunan jejak karbon diperbaiki.

Pembicara majlis di forum termasuk:

- En. Tai Lee Siang, Naib Pengerusi, World Green Building Council; Pengarah Pengurus Kumpulan, Ong & Ong Pte Ltd
- En. Kohjiroh Wakabayashi, Pengarah Urusan, PanaHome Asia Pacific. Arkitek, Pengurus Projek Fujisawa Sustainable Smart Town (FSST)


¹ [https://www.bsria.co.uk/news/article/the-smart-building-market-in-asia-will-exceed-\\$1.036bn-by-2020/](https://www.bsria.co.uk/news/article/the-smart-building-market-in-asia-will-exceed-$1.036bn-by-2020/)

Di persidangan tersebut, En. Tai berkongsi pendapat beliau tentang bagaimana bangunan yang mencerminkan sifat-sifat peranti mudah alih mampu direka dan dibina agar menjadi khusus, mudah alih, berskala, serta bermanfaat.

Satu kajian kes Fujisawa Sustainable Smart Town (SST) di Wilayah Kanagawa, Jepun turut dibentangkan oleh En. Wakabayashi. Bandar tersebut merupakan projek gabungan antara sektor swasta dan kerajaan, dan diterajui Panasonic dengan kerjasama pihak lain.

Forum tersebut turut mempunyai empat zon di mana solusi Panasonic dipamerkan – Zon Kediaman (residensi dan penginapan), Zon Perniagaan (pusat beli belah), Zon Infrastruktur, dan Zon PanaHome (perumahan). Sila rujuk **Lampiran A** untuk maklumat terperinci tentang solusi di setiap zon.

Untuk maklumat lanjut, layari <http://panasoniccollaborates.com/>

Ketahui lebih tentang keupayaan teknologi Panasonic dalam industri pembinaan dan perumahan di sini: <https://www.linkedin.com/company/panasonichousing> 

Tentang Panasonic System Solutions Asia Pacific

Berpusat di Singapura, Panasonic System Solutions Asia Pacific adalah bahagian solusi B2B Panasonic Asia Pacific Pte Ltd, anak syarikat Asia Tenggara dan Pasifik (APAC) kepada Panasonic Corporation. Panasonic System Solutions Asia Pacific membekalkan solusi B2B kepada perniagaan jenis kerajaan serta komersial pelbagai skala, dan meliputi komunikasi bisness bersepadu, operasi komputer mudah alih, simpanan data, keselamatan dan pemantauan, sistem pembayaran untuk perniagaan, komunikasi visual (projektor, tayangan profesional, papan digital), dan solusi rangkaian imej (siaran dan video profesional).

Hubungan Media

Mina Baik

Panasonic System Solutions Asia Pacific

+65 6277 7237

Mina.Baik@sg.panasonic.com

Mazlee Mokhtar

Panasonic Malaysia Sdn Bhd

03-7809 7877

mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

Zon Kediaman (residensi dan penginapan)

Solusi di zon ini meliputi pembangunan residensi dan penginapan. Pameran tersebut menunjukkan bagaimana teknologi serta solusi Panasonic membolehkan transformasi kepada ruang kediaman pintar.

Solusi Perdana

1) Panasonic Wireless Home Network System

Solusi ini bukan sahaja meliputi pengawasan kediaman, malah rangkaian peranti yang menyepadukan pengawalan kediaman, keselamatan kediaman, dan komunikasi. Ini menjaminkan aset paling bernilai penghuni kekal selamat sepanjang masa.

2) Panasonic Hostel Energy Management System (HoEMS)

Analisis dari sistem ini membekalkan siaran maklumat penggunaan kuasa di ruang kediaman secara langsung, maka mendorong penghuni agar peka terhadap alam sekitar serta penjimatan tenaga. HoEMS terletak di bawah bidang kuasa hakmilik Panasonic Sistem Pengurusan Tenaga (EMS), dan boleh digunakan di ruangan seperti bangunan komersial (contohnya Panasonic Green Room System), pangsapuri kediaman (contohnya Home Energy Management System), dan ruang tamu am contohnya di asrama.

3) Panasonic Green Room System

Sistem ini mengendalikan penggunaan tenaga secara intuitif melalui alat pengesan di ruang kediaman, misalnya mematikan peranti dan peralatan sekiranya bilik tersebut kosong.

4) Peralatan Panasonic

Sebagai jenama yang dikenali dan dipercayai seisi rumah, rangkaian peralatan elektrik Panasonic yang berkualiti dan pelbagai menawarkan kemudahan dan keselesaan zaman moden ini, malah penjagaan diri dalam rutin harian.

Zon Perniagaan

Ruang perniagaan kini bukan sahaja perlu memenuhi kehendak penyewa, malah sering perlu mencari kaedah baru untuk menarik minat para pengguna yang seterusnya memperkasakan kuasa penawaran pemaju. Solusi di zon ini menyediakan peluang untuk memberikan pengalaman membeli belah yang luarbiasa.

Solusi Perdana

1) Window Display Solution

Pameran tettingkap secara umumnya adalah statik dan kurang memberi tanggapan yang hebat. Window Display Solution Panasonic membantu menyampaikan mesej di sebalik produk supaya lebih efektif dalam mengkaitkan emosi para pembeli dengan produk tersebut.

2) Space Player

Dengan rekabentuk mirip gabungan lampu-sorot dan projektor kecil, space player, mampu mengubahsui ruang perniagaan melalui video, pesanan teks, atau pencahayaan tanpa perlunya perubahan lekapan dan penghiasan yang kerap.

3) Light ID

Ciri ini menyediakan peluang yang baru untuk mendorong promosi dan aliran para pembeli buat penyewa. Katalog/risalah serta pesanan pada papan digital merupakan pengiklanan jenis pasif dan tidak mampu mengesan tindakbalas dari para pembeli. Light ID menghantar maklumat secara terus ke peranti mudahalih para pembeli dengan cuma mengesan sumber cahaya/lampu.

4) Security Surveillance & Analytics

Menerusi kamera 4K dan 360, Panasonic berjaya menaikkan fungsi pengawasan keselamatan ke paras yang lebih tinggi. Yang pentingnya, ciri ini membolehkan pengurus bangunan memahami tingkahlaku para pembeli menerusi penghitungan serta pemetaan haba badan. Data seperti ini memudahkan pengetahuan aliran para pembeli mana-mana lokasi di dalam pusat beli belah serta sokongan dari penyewa.

5) *Panel Paparan Digital*

Panel paparan luaran Panasonic menyediakan peluang pengiklanan untuk mengutamakan penyewa utama ataupun menonjolkan penampilan di ruang perniagaan yang makin sesak. Menerusi mesej yang terpapar, panel paparan dalaman *cloud* mampu menggalakkan para pembeli untuk ke ruang promosi yang spesifik, maka membantu dalam meningkatkan bilangan para pembeli ke ruangan penyewa.

6) *VRF Smart Cloud*

Sistem cloud Panasonic yang baru memberikan kawalan sepenuhnya ke atas segala pemasangan anda. Hanya dengan satu klik, dapatkan kemaskini terbaru secara langsung untuk semua unit walaupun di lokasi berbeza-beza, kerosakan dapat dielakkan, dan kos dioptimumkan.

Zon Infrastruktur

Solusi di zon ini memberikan pemaju gambaran bagaimana mencapai operasi yang paling optimum serta mempertingkatkan keberkesanan menerusi teknologi pengurusan bangunan pintar.

Solusi Perdana

1) *License Plate Recognition Solution*

Gabungan pengurusan tempat letak kereta dengan fungsi keselamatan mempertingkatkan keupayaan pengurus bangunan dalam menyediakan akses kepada para pembeli dan pelawat.

2) *Panel Tenaga Suria*

Sumber diperbaharui adalah cara operasi lestari manakala kecekapan penukaran optimum memaksimumkan pelaburan dalam perkasas tersebut.

Zon PanaHome

Solusi di zone ini menunjukkan bagaimana pembangunan residensi bukan sahaja sesuatu pelaburan, tetapi juga sebagai pilihan gaya hidup bagi pembeli yang arif tentang alam sekitar serta yang menginginkan ketenangan dan ketenteraman jiwa.

Solusi Perdana

1) *Panasonic PURETECH Green Ventilation & Cooling*

Sistem ini menggabungkan pengudaraan ECONAVI dengan penghawa dingin. Dilengkapi pengesan bijak, ia mampu mengesan tahap aktiviti manusia yang berbeza termasuklah ketidakaktifan, serta intensiti cahaya matahari demi melaraskan kuasa pendinginan di sekeliling rumah maka tahap keselesaan kekal sambil menjimat tenaga.

2) *Panasonic KIRATECH Self-Cleaning Tiles*

Jubin KIRATECH mempunyai kebolehan hidrofilik dan penguraian yang maju yang membolehkan pembersihan kendirian ketika pendedahan kepada unsur luaran. Kos penyelenggaraan bukan dikurangkan, malah penggunaan bahan pencuci dan pelarut yang agresif dan mencemarkan turut dikurangkan.

3) *Fujisawa SST*

Sementara pesaing masih dalam perbincangan pembinaan kediaman pintar, Panasonic sudahpun membina sebuah komuniti di Jepun dengan perasmian Fujisawa SST di November 2014. Kajian kes ini bukan sahaja menampilkan sebuah bandar pintar, malah telah mewujudkan komuniti erat silaturahim yang bukan sahaja memilih gayahidup Fujisawa, tetapi juga yang bangga akan pendirian mereka dalam pemeliharaan bandar lestari.

Para peserta Forum akan berpeluang melihat bagaimana Fujisawa SST direka dan dibina berdasarkan visi pembangunan dan perkembangan yang lestari 100-tahun kelak. Pada masa kini, ia menempatkan 1,000 buah kediaman serta berperanan sebagai model bagi bandar kelak. Kajian kes ini membuktikan peranan rangkaian solusi Panasonic dalam pembangunan bandar pintar. Kedai di Fujisawa SST menggunakan papan tanda besar tanpa lampu seperti pemetaan ramalan dan panel paparan interaktif bagi menarik perhatian dan

menggalakkan aliran trafik. Sebuah badan komuniti yang membolehkan penyampaian maklumat secara langsung yang mendalam dan tepat turut ditubuhkan bagi membekalkan maklumat diskauan dan promosi yang bertepatan masanya. Sektor penginapan di Fujisawa SST dilengkapi rangkaian penuh aplikasi berteraskan teknologi dan merangkumi paparan, keselamatan dan pemantauan, operasi komputer mudah alih, sistem komunikasi bisnes, serta solusi hiburan.